

**TERMA & SYARAT**  
**PROMOSI PEMBIAYAAN PERIBADI RAYA DEAL 2026**

**1. DEFINISI**

- 1.1. Bagi tujuan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut adalah bermaksud seperti makna yang diberikan kepadanya:-
- 1.2. "Co-opbank Pertama (CBP)" bermaksud Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (Koperasi No.1146), koperasi yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 dan mempunyai alamat perniagaan di Wisma Co-opbank Pertama, No. 115, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kampung Bharu, 50300 Kuala Lumpur.
- 1.3. "Promosi" bermaksud promosi produk Pembiayaan Peribadi yang dianjurkan oleh CBP dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 1.4. "Pelanggan Yang Layak" bermaksud pelanggan yang memohon produk Pembiayaan Peribadi yang memenuhi terma & syarat kelayakan yang di tetapkan oleh CBP. Sila rujuk di Klausu 3.1.

**2. TEMPOH**

- 2.1. Tempoh promosi adalah bermula pada tarikh **01 Februari 2026** sehingga **30 Jun 2026** (termasuk kedua - dua tarikh tersebut) atau sehingga habis dana yang diperuntukkan bagi Promosi yang bermaksud ("Tempoh Promosi").
- 2.2. Pihak CBP mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Promosi tersebut mengikut budi bicara secara mutlak dengan memberi notis dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja melalui laman sesawang rasmi CBP atau mana-mana saluran rasmi CBP dan segala keputusan yang berkaitan tempoh tersebut adalah muktamad.

**3. KELAYAKAN DAN KAEDAH PROMOSI**

- 3.1. Promosi ini terbuka kepada pelanggan-pelanggan produk Pembiayaan Peribadi yang berkhidmat di sektor Kerajaan, Badan Berkanun dan Syarikat Pautan Kerajaan (GLC) dan menggunakan cara pembayaran balik melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) dan Potongan Gaji Majikan (PGM).
- 3.2. Pelanggan adalah disyaratkan untuk meletakkan Deposit-i Berjangka dengan minima deposit sebanyak RM 5,000.00 (12 bulan) atau RM10,000.00 (6 bulan) dan Deposit-i Berjangka pelanggan akan ditandakan sebagai "*Pledge*" selama tempoh yang ditetapkan (mengikut persetujuan daripada pelanggan). Pelanggan tidak dibenarkan untuk mengeluarkan jumlah deposit yang diletakkan di dalam Deposit-i Berjangka sehingga mencapai tarikh matang kecuali akaun pembiayaan yang menggunakan kadar Promosi telah diselesaikan.
- 3.3. Peletakan Deposit-i Berjangka akan di debit ketika proses pengeluaran akaun pembiayaan pelanggan dan lebihan tunai akan dikredit ke Akaun Simpanan Salam i-Qard pelanggan.
- 3.4. Peletakan Deposit-i Berjangka haruslah dari peletakan dana baharu dan daripada proses pengeluaran akaun pembiayaan pelanggan sahaja. Oleh itu peletakan secara pembaharuan automatik ("*auto-renewal*") sijil sedia ada adalah tidak layak dan tidak dipertimbangkan untuk Promosi ini.
- 3.5. Proses peletakan Deposit-i Berjangka ini hanya boleh dilaksanakan oleh cawangan yang memproses dan meluluskan pembiayaan pelanggan.

- 3.6. Bagi Promosi ini, **kadar keuntungan dan syarat – syarat tambahan** yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan CBP adalah seperti di bawah :

**A. Pembiayaan Peribadi i-Lestari (Kadar Tetap)**

| Cara Pembayaran Balik                                                | Tempoh (Tahun) | Kadar Keuntungan |
|----------------------------------------------------------------------|----------------|------------------|
| 1. Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA)<br>2. Potongan Gaji Majikan (PGM) | 1-10           | 3.50%            |

**Syarat – syarat tambahan:**

- Terbuka kepada Pelanggan baru atau Pelanggan sedia ada CBP dengan jumlah pengeluaran bersih sekurang-kurangnya RM50,000.00.
- Kadar Promosi hanya ditawarkan kepada pelanggan yang mempunyai rekod MIA antara 0 - 2 sahaja (berdasarkan rekod kredit terkini selama 6 bulan).
- Pelanggan perlu meletakkan Deposit-i Berjangka minima:
  - RM 5,000.00 dan *Pledge* untuk 12 Bulan; ATAU,
  - RM 10,000.00 dan *Pledge* untuk 6 Bulan

**B. Pembiayaan Peribadi Al Yaseer (Kadar Terapung)**

**(Kategori Pelanggan Baharu – NTB)**

| Cara Pembayaran Balik                                                | Tempoh (Tahun) | Kadar Keuntungan Efektif (KKE) | Bersamaan Kadar Rata            |
|----------------------------------------------------------------------|----------------|--------------------------------|---------------------------------|
| 1. Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA)<br>2. Potongan Gaji Majikan (PGM) | 1-10           | ECOF + 1.12%                   | 2.80%<br>(bagi tempoh 10 tahun) |

\*Nota : Kadar ECOF semasa – 4.00%

**Syarat – syarat tambahan:**

- Terbuka kepada pelanggan baharu yang tidak mempunyai sebarang rekod pembiayaan di CBP atau pelanggan yang mempunyai rekod pembiayaan dengan status akaun pembiayaan tersebut telah ditutup.
- Kadar Promosi hanya ditawarkan kepada pelanggan yang mempunyai rekod MIA antara 0 - 2 sahaja (berdasarkan rekod kredit terkini selama 6 bulan).
- Pelanggan perlu meletakkan Deposit-i Berjangka minima:
  - RM 5,000.00 dan *Pledge* untuk 12 Bulan; ATAU,
  - RM 10,000.00 dan *Pledge* untuk 6 Bulan

**(Kategori Penyatuan Hutang - DCP)**

| Cara Pembayaran Balik                                                | Tempoh (Tahun) | Kadar Keuntungan Efektif (KKE) | Bersamaan Kadar Rata            |
|----------------------------------------------------------------------|----------------|--------------------------------|---------------------------------|
| 1. Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA)<br>2. Potongan Gaji Majikan (PGM) | 1-10           | ECOF + 1.04%                   | 2.75%<br>(bagi tempoh 10 tahun) |

\*Nota : Kadar ECOF semasa – 4.00%

**Syarat – syarat tambahan:**

- i. Terbuka kepada pelanggan baharu atau sedia ada yang membuat penyelesaian pembiayaan dari bank luar dengan jumlah minimum RM50,000.00 sahaja.
  - ii. Kadar Promosi hanya ditawarkan kepada pelanggan yang mempunyai rekod MIA antara 0 - 2 sahaja (berdasarkan rekod kredit terkini selama 6 bulan).
  - iii. Pelanggan perlu meletakkan Deposit-i Berjangka minima:
    - RM 5,000.00 dan *Pledge* untuk 12 Bulan; ATAU,
    - RM 10,000.00 dan *Pledge* untuk 6 Bulan
  - iv. Pelanggan tidak dibenarkan untuk membuka akaun bertindih CBP menggunakan kadar Promosi ini.
- 3.7. Bagi peletakan Deposit-i Berjangka pula, kadar yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan CBP adalah seperti di bawah:

| Produk              | Kadar Deposit-i Berjangka (Pembiayaan) |                  |
|---------------------|----------------------------------------|------------------|
|                     | Tempoh                                 | Kadar Keuntungan |
| Deposit-i Berjangka | 6 Bulan                                | 1.00%            |
|                     | 12 Bulan                               | 1.25%            |

**4. UMUM**

- 4.1. Keputusan yang dibuat oleh pihak CBP terhadap semua perkara dan / atau sebarang pertikaian berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad. Sebarang pengikatan dan surat-menyurat selanjutnya tidak akan dilayan.
- 4.2. Pihak CBP mempunyai hak dan pertimbangan yang muktamad untuk mengubah, meminda, memansuhkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan secara khususnya di dalam dokumen ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk mengubah jangka masa Promosi yang dianggap perlu dan wajar dengan memberi notis terdahulu melalui laman web rasmi CBP atau notis di cawangan-cawangan CBP.
- 4.3. Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan / atau representasi yang terkandung di dalam mana-mana bahan Promosi lain yang mengiklankan Promosi ini.

- 4.4. Dengan menyertai Promosi ini, para Pelanggan Yang Layak dan / atau mana- mana pihak yang berkaitan di sini bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat-Syarat yang telah dinyatakan.
- 4.5. Pihak CBP tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kegagalan berkaitan dengan Promosi ini disebabkan oleh takdir, peperangan, rusuhan, pemogokan, halangan masuk oleh majikan, tindakan industri, kebakaran, banjir, musim kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa kejadian di luar bidang kuasa kawalan yang sepatutnya oleh pihak CBP.
- 4.6. Kesemua Terma dan Syarat yang termaktub di sini adalah tertakluk dan akan diperjelaskan selaras dengan perundangan Malaysia.